



Soalan Lazim



Hubungi Kami



Aduan dan
Maklum Balas



Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

[Utama](#) [Galeri Aktiviti](#) [Akhbar](#) [Bernama - Kerajaan Kekalkan Sasaran KDNK 4.8 Peratus Bagi 2020 - Lim](#)

🕒 Khamis, Dis 12 2019



PUTRAJAYA, 12 Dis -- Kerajaan mengekalkan sasaran unjuran asal pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 4.8 peratus untuk 2020 walaupun World Bank menyemak semula unjurannya kepada 4.5 peratus.

Menteri Kewangan Lim Guan Eng berkata kerajaan hanya akan menyemak semula sasaran itu jika unjuran pertumbuhan KDNK 4.7 peratus tahun ini tidak tercapai.

"Kami masih yakin dapat capai sasaran 4.7 peratus (tahun ini), namun kita tungguh dahulu angkanya apabila dikeluarkan tahun depan.

"Kami kekalkan sasaran ini (bagi 2020) dan ia akan bergantung kepada prestasi pertumbuhan 2019. Saya yakin jika sasaran pertumbuhan 4.7 peratus tahun ini tercapai, kita akan mengekalkan sasaran pertumbuhan 4.8 peratus (bagi 2020)," katanya pada sidang media di sini hari ini,

Bank Dunia menyemak semula unjuran pertumbuhan KDNK Malaysia bagi 2020 kepada 4.5 peratus daripada unjuran awal pada 4.6 peratus, susulan pertumbuhan eksport dan pelaburan suku ketiga 2019 yang lemah berbanding jangkaan.

Dalam Pemantauan Ekonomi Malaysia 2019, Bank Dunia berkata prospek perdagangan yang lembap dan ketidaktentuan yang meningkat, menjejaskan keyakinan ke atas cadangan perniagaan dan pelaburan.

-- BERNAMA



Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian



Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro



e-Penyertaan & Maklumbalas



Statistik & Prestasi



Pautan



Agensi



Hubungi Kami

Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) | [Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **15 Januari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**